



Anwar melawat pameran peralatan 5G Huawei pada Majlis Penutupan Sidang Kemuncak ICT Malaysia 2023 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

# Capaian internet perlu dinikmati semua rakyat

Kerajaan beri peluang sama rata manfaat transformasi teknologi

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Transformasi teknologi tidak akan mapan bagi sesebuah negara jika setiap ra-

kyatnya tidak diberi peluang sama rata untuk menikmati perubahan berkenaan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dalam falsafah MADANI, perubahan itu, terutama dari segi capaian internet, perlu dinikmati oleh semua, dari rakyat di bandar hingga di Sabah dan Sarawak.

## Pelaksanaan rangkaian 5G

“Kita tidak boleh mapan jika kita hanya melihat dari segi perubahan dan transformasi teknologi tanpa keprihatinan dan ihsan, dan memastikan setiap rakyat di negara ini mendapat peluang itu.

“Pelaksanaan rangkaian 5G ini

secara keseluruhannya jelas menunjukkan yang ia bukan hanya mengenai teknologi tetapi mengenai memastikan, dari setingan dan rakyat miskin di bandar sehingga ke kawasan paling terpencil di Sabah serta Sarawak perlu diberi peluang kepada capaian.

“Jika tidak, pada pandangan saya, ia tidak mapan. Kemapanan bukan hanya untuk manfaat segelintir elit bandar dan pemerintah tetapi ia bermakna setiap rakyat akan mendapat manfaat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penutup Sidang Kemuncak Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) Malaysia 2023 di sini, semalam.